

# Akademia perlu contohi PM hasilkan buku bermutu

• **Penekanan berlebihan universiti terhadap penyelidikan dan penerbitan berimpak seperti artikel jurnal beri kesan kepada penerbitan buku umum**

• **Iltizam dan pengorbanan tinggi untuk mencerdaskan masyarakat menerusi 'Malaysia Membaca' perlu ada dalam jiwa akademia**



Oleh Prof Madya Dr Mohd Azhar Abd Hamid  
bhrencana@bh.com.my

**Tema** Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL 2024) yang berakhir hari ini adalah 'Malaysia Membaca' sepatutnya menjentik minda akademia menghasilkan buku umum berkualiti.

Bagi akademia, antara sumbangan berharga adalah menghasilkan buku menarik dan berkualiti untuk membina pemikiran masyarakat kritis, bermaklumat serta berpengetahuan. Penulisan dalam bidang kepakaran sebegini sering dilakukan akademia di Amerika Syarikat (AS) dan Eropah yang 'merapatkan' jurang universiti dengan masyarakat bersifat eksklusif dan elit.

Ia secara tidak langsung dapat membumi dan merakyatkan pengetahuan saintifik serta teoritikal agar mudah difahami masyarakat. Maka, iltizam dan pengorbanan tinggi untuk mencerdaskan masyarakat menerusi 'Malaysia Membaca' perlu ada dalam jiwa akademia.

Di Barat, masyarakat sentiasa tertunggu-tunggu buku umum berkualiti tinggi. Intelektual terkenal AS, Noam Chomsky antara contoh akademia sangat berjaya menggamit pembaca dengan idea, pemikiran dan kritiknya terhadap isu semasa.

Bagaimanapun, menghasilkan buku umum berkualiti seperti karya Michio Kaku dalam fizik; Steven Pinker (psikologi kognitif) dan John L Esposito (hubungan antara agama) tidak mudah.

Namun, dengan galakan dan merit diberikan Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dan universiti, penulisan buku umum berkualiti dapat ditingkatkan dan bercambah. Banyak isu semasa bersifat lokal dan global seperti ekonomi, geopolitik, Sains, Matematik, Kejuruteraan dan Teknologi (STEM), Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan agama hingga isu berkepentingan umum seperti rasuah, integriti, etika serta bahasa yang boleh diangkat.

Di Jepun, Thailand dan Indonesia, isu terkini melanda negara serta dunia akan cepat mendapat tindak balas akademia dengan mengupas dan menulis buku tetapi malangnya, situasi sebegini agak perlahan di negara ini.

Penekanan berlebihan universiti terhadap penyelidikan dan penerbitan berimpak seperti artikel jurnal memberi kesan kepada penerbitan buku umum. Keperluan memenuhi agenda petunjuk prestasi utama (KPI), MyRA dan penilaian kenaikan pangkat mewujudkan 'vakum' penerbitan buku umum.

Biasanya, akademia lebih cenderung menghasilkan buku penyelidikan dan suntingan dengan alasan buku umum kurang merit dalam penilaian pe-

tunjuk prestasi utama (KPI), MyRA dan kenaikan pangkat.

Justeru, kebanyakan penerbit universiti bermasalah dalam memperoleh manuskrip buku umum meskipun pelbagai pendekatan digunakan untuk menarik akademia, tetapi jumlah manuskrip diterima sukar mencapai 40 judul setahun.

Oleh itu, tidak banyak buku umum dapat disajikan penerbit universiti di kedai buku universiti dan pameran buku kebangsaan serta antarabangsa kecuali buku penyelidikan dan suntingan yang hanya memberi fokus kepada kelompok pembaca dalam bidang tertentu.

Buku penyelidikan hanya dibeli pelajar dan penyelidik dalam bidang sama, manakala buku suntingan pula kebanyakannya tidak dicetak untuk jualan melainkan ada permintaan.

## Tanggungjawab moral, sosial universiti

Selepas 2010, penghasilan buku umum, terutama dalam sains dan teknologi menurun secara mendadak. Mujurlah sains sosial masih bertahan terutama dalam bidang agama, falsafah, sejarah, pendidikan, kenegaraan, ekonomi, pengurusan dan kewangan.

Bagaimanapun, ilmu dan pengetahuan dalam pelbagai bidang sains fundamental, sains gunaan dan sains sosial amat wajar dikongsi, sekali gus tidak wajar hanya berlingkar di kampus universiti untuk pelajar, penyelidik dan akademia.

Perlu diingat, antara tanggungjawab moral dan sosial universiti adalah memandai dan menyebarkan ilmu kepada masyarakat. Wadah terbaik tujuan itu adalah menerusi penulisan buku umum.

Pendekatan inilah dilakukan akademia dan sarjana universiti pada abad pertengahan di Eropah, terutama Andalusia. Bahkan, universiti ternama di AS dan Eropah sangat giat mempergiat penulisan buku umum kepada masyarakat. Buku umum berkualiti tinggi, futuristik dan monumental menjadi kompas Kerajaan AS mengubah dasar luarnya seperti *The Clash of Civilization and The Remaking of World Order* oleh Samuel P Huntington.

Dalam kalangan akademia dan sarjana Malaysia ada tokoh tersohor seperti Tan Sri Prof Dr Muhammad Syed Naquib Al-Attas, Dr Syed Hussein Alatas, Datuk Dr Haron Din, Datuk Dr Siddiq Fadzi serta Prof Emeritus Dr Shaharir Md Zain. Buku umum mereka masih jadi rujukan dan bacaan awam seperti *Mitos Pribumi Malas, Islam and Sekularisme, Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu, Manusia dan Islam, Islam dan Melayu, Minda Melayu Baru* serta *Cabaran Mantiq kepada Muslim*.

Cuba toleh ke negara jiran, Indonesia. Walaupun, universitinya sedikit tertinggal dari segi kedudukan global berbanding Malaysia, akademia mereka amat prolifrik dalam menerbitkan buku untuk bacaan umum. Malah, buku umum giat diterjemahkan ke bahasa Indonesia, manakala kebanyakan akademia bergelar profesor memiliki buku penulisan sendiri

termasuk buku umum.

Nama akademia tersohor Indonesia banyak menghasilkan buku umum seperti Kontowijoyo, Azyumardi Azra, Sartono Kartodirjo, Quraish Sihab, Syafi'i Maarif, Harun Nasution dan Kamaruddin Hidayat antara sebahagian kecil membangunkan bangsa Indonesia.

Justeru, akademia di Indonesia amat dekat di hati rakyat. Menerusi buku umum, mereka menyerlahkan realiti masyarakat terhadap golongan rentan dan tertindas, ekonomi, keluarga, kebobrokan politik, kemiskinan, pendidikan, faham dan penghayatan agama dan kebudayaan bangsa.

Ketika ini, terdapat lebih 30,000 akademia di universiti dan 10 peratus daripadanya adalah profesor, malangnya tidak ramai menerbitkan buku umum dalam bidang kepakaran masing-masing.

Malah, ada segelintir akademia bergelar profesor tidak langsung menghasilkan penulisan buku, apatah lagi buku umum. Jika adapun, mungkin hasil tulisan bersama pelajar dan rakan sebidang.

Dilema ini pernah disentuh Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika menjawat Menteri Pelajaran antara 1986 hingga 1990. Bahkan ketika itu, beberapa Naib Canselor seperti Prof Dr Taib Osman turut menyuarakan kegundahannya.

Justeru, tiba masanya universiti dan KPT mengenakan syarat kepada akademia khususnya profesor untuk hasilkan buku umum dalam bidangnya. Akademia perlu buka minda dan usaha jadikan MyRA, KPI serta penilaian prestasi sebagai halangan kerana menulis buku umum antara tanggungjawab moral dan sosial sangat signifikan kepada pembangunan negara dan pemikiran masyarakat.

Mencerdas dan mentransformasikan pemikiran masyarakat menerusi penulisan buku umum mesti dilunaskan akademia. Jawatan dan gelar akademik akan ditinggalkan selepas bersara. Apa yang tinggal ialah ilmu, idea dan pemikiran tersebar menerusi buku umum. Akademia bertanggungjawab meningkatkan bilangan buku umum sebagai khazanah dan korpus ilmu berbau budaya, falsafah serta terbatin dalam 'kearifan lokal'.

Sesuatu perlu dilakukan pelbagai pihak, terutama KPT dan universiti untuk menggalakkan lebih ramai akademia menulis buku umum kerana martabat tinggi buku umum serta sumbangannya kepada pembangunan budaya ilmu dan masyarakat berilmu. Tentunya, ia selari dengan pembudayaan ilmu dan pembinaan masyarakat MADANI diilhamkan Perdana Menteri. Buku monumentalnya, *The Asian Renaissance* adalah contoh buku umum berkualiti tinggi lahir daripada pengalaman politik pemimpin intelektual.

Jika Perdana Menteri boleh melakukannya, mengapa tidak akademia dan sarjana di universiti.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH